NI *lwn NZS* & Lain-Lain

[Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, Kes Mal Bil. : 10000-017-0099-2016, YAA Dato' Hj. Yusof bin Musa (Pengerusi), YA Prof. Adjung Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar (Panel), YA Tuan Hj. Mohd Amran bin Mat Zain (Panel),HMRyS]

[15 Februari 2018 Bersamaan 29 Jamadilawwal 1439H]

Undang-undang Keluarga Islam- Rayuan Perintah Harta Sepencarian- seksyen 122 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini adalah suatu kes rayuan yang telah difailkan oleh Perayu terhadap sebahagian daripada keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam di dalam kes no : 10300-017-0003-2010 yang diputuskan bertarikh 14 November 2016 di mana YA Hakim Bicara telah memerintahkan seperti berikut;-

a) Mahkamah memerintahkan bahawa Plaintif berhak terhadap tanah beserta sebuah rumah di bawah P.M XX Lot XX, Mukim Dengkil Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XX, XXX, Sungai Merab, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan dengan kadar sebanyak 30% dan Allahyarham sebanyak 70%.

[2] Di Mahkamah Tinggi Syariah, pihak Perayu telah membuat tuntutan terhadap Responden-Responden ke atas 6 harta peninggalan Allahyarham suami pihak Perayu yang telah meninggal dunia pada 30 Mei 2009 di mana Responden-Responden adalah adik beradik kepada Allahyarham suami pihak Perayu. Dalam Pernyatan Tuntutan pihak Perayu, beliau telah menuntut seperti berikut:-

(a) Sebuah apartment di bawah H.S (D) XXXX dan XXXX PT XXXX & XXXX, Danau Putra, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XXX, XXX 47100 Puchong Selangor.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

(b) Sebuah flat di bawah H.S (D) XXX, P.T. No. XXX, Kajang, Selangor.

(c) Tanah beserta sebuah rumah di bawah P.M XXX Lot XXX, Sepang, Selangor yang beralamat di No. XX, Sungai Merab, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.

(d) Sebuah kereta Proton Waja dengan nombor pendaftaran XXXX.

(e) Sebuah motosikal Yamaha Lagenda dengan nombor pendaftaran XXX

(f) Wang di dalam akaun simpanan EON Bank sebanyak RM XXX yang didaftarkan atas nama allahyarham sehingga tarikh 16 Oktober 2009

[3] Perayu telah tidak berpuashati dengan keputusan YA Hakim Bicara tersebut dan telah menfailkan Notis Rayuan pada 25 November 2016.

Fakta Kes

[4] Perayu dan Allahyarham Shaifol Yazan bin Shaharom. Perayu dan allahyarham telah berkahwin pada 23 November 1994. Sepanjang tempoh perkahwinan, mereka tidak dikurniakan cahayamata.

[5] Sepanjang tempoh perkahwinan Allahyarham pernah bekerja sebagai di Kilang Sony dan kemudian telah berhenti bekerja melalui skim pemberhentian kerja secara sukarela pada 31 Januari 2005 kerana kegawatan ekonomi, manakala pihak Perayu bekerja di Kilang Hitachi dan membuat kerja sampingan menjahit pakaian dan menjual pinggan mangkuk.

[6] Dalam tempoh perkahwinan tersebut, Perayu dan Allahyarham telah memperolehi harta-harta berikut:-

(a) Sebuah apartment di bawah H.S (D) XXXX dan XXXX PT XXXX &XXX, Danau Putra, Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XXX, XXX, 47100 Puchong Selangor.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

(b) Sebuah flat di bawah H.S (D) XXXXX, P.T. No. XXX, Mukim Beranang, Daearah Hulu Langat, Selangor yang beralamat di XXX 43000 Kajang, Selangor.

(c) Tanah beserta sebuah rumah di bawah P.M XXX Lot XXX, Mukim Dengkil Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XX, XXX, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.

(d) Sebuah kereta Proton Waja dengan nombor pendaftaran XXX.

(e) Sebuah motosikal Yamaha Lagenda dengan nombor pendaftaran XXX.

Diputuskan

SETELAH meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan, hujah-hujah kedua-dua belah pihak serta Sumpah Syarie Perayu, MAKA KAMI sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:-

1. Rayuan Perayu diterima.

2. Perenggan 5 Perintah Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh 14/11/2016 di dalam kes no. 10300-017-0003-2010 di ubah seperti berikut;-

> "Kadar pembahagian terhadap harta sepencarian sebuah rumah di alamat No. XX, XXX, Sungai Merab, Kajang Selangor diantara Perayu dan Responden adalah 60% kepada Perayu dan 40% kepada Allahyarham (Shaifol Yazan bin Shaharom) "

Peguam Syarie

Perayu : diwakili oleh Dato' *Mohd Zaidi bin Md. Zain daripada Tetuan Zaidi Zain & Associates*

Responden : diwakili oleh *Nor Arafah binti Jamaluddin daripada Tetuan Ahmad Muhammad & Associates*

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Surah al-Quran yang dirujuk

1. Surah al-Baqarah : ayat 188

Kitab - kitab yang dirujuk

1. Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah,* hlm. 30, Beirut: Dar al Ihya al-Ulum
2. *al-Bughyah al-Mustarsyidin,* hlm. 159

Undang - undang yang dirujuk

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003- s.122

Kes - kes yang dirujuk

1. Anita lwn Zainuddin Ariffin (1982) 4 JH 73
2. Noraishah bt. Ahmad lwn Omar bin Jusoh & 6 Yang Lain, JH 26 Bhg 1

[7] Pihak Perayu telah mengemukakan keterangan berbentuk dokumentar mengenai pemilikan dan pendaftaran harta milik Allahyarham dan keterangan lisan 3 orang saksi yang memberikan keterangan berhubung harta-harta bagi membuktikan takat sumbangan Perayu terhadap pemerolehan harta Allahyarham.

[8] Manakala pihak Responden-Responden, hanya Defendan 1, 2 dan 5 memberikan keterangan.

[9] Di dalam rayuan ini, Perayu mengemukakan alasan seperti di muka surat 748 Rekod Rayuan sebagaimana yang berikut:-

i. Bahawa Yang Arif Hakim Bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan apabila menyistiharkan sebuah rumah di bawah P.M XX Lot XXX, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XX, XXX, Sungai Merab, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan dibahagikan sebanyak 30% kepada Perayu dan 70% kepada Allahyarham sedangkan fakta-fakta dan bukti-bukti yang mencukupi telah dikemukakan dalam perbicaraan lalu yang menunjukkan Perayu telah

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

menyumbangkan sebahagian besar ke atas pemerolehan dan bayaran-bayaran lain ke atas rumah tersebut, namun gagal diteliti oleh Yang Arif Hakim Bicara.

Penghakiman oleh YAA Dato' Hj. Yusof bin Musa (Pengerusi), YA Prof. Adjung Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar (Panel), YA Tuan Hj. Mohd Amran bin Mat Zain (Panel),HMRyS.

[10] Setelah Kami meneliti Alasan Rayuan, Rekod-Rekod Rayuan dan hujah-hujah yang difailkan oleh kedua-dua pihak, terdapat 1 (satu) isu yang perlu diputuskan, iaitu:-

i. **Sama ada keputusan Y.A. Hakim Bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan apabila menyistiharkan sebuah rumah di bawah P.M XXX Lot XXX, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor yang beralamat di No. XXX, XXX, Sungai Merab, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan dibahagikan sebanyak 30% dan 70% kepada Allahyarham sedangkan fakta-fakta dan bukti-bukti yang mencukupi telah dikemukakan dalam perbicaraan lalu yang menunjukkan Perayu telah menyumbangkan sebahagian besar ke atas pemerolehan dan bayaran-bayaran lain ke atas rumah tersebut, namun gagal diteliti oleh Yang Arif Hakim Bicara.**

[11] Harta tersebut telah diputuskan sebagai harta sepencarian dan tidak ada bantahan daripada kedua-dua belah pihak Perayu dan Responden-responden. Cuma yang menjadi pertikaian adalah terhadap kadar pembahagian harta sepencarian tersebut.

[12] Dalam isu ini, untuk menentukan hak masing-masing, mahkamah wajar melihat takat sumbangan pihak-pihak terhadap sesuatu harta sepencarian, takrif yang ada di dalam seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 dan mestilah dibaca bersama dengan subseksyen 122(3) dan (4) Enakmen yang sama. Elemen-elemen yang membentuk sesuatu harta untuk dianggap sebagai harta sepencarian tidak boleh lari dari isu sumbangan.

[13] Seksyen tersebut memperlihatkan kepentingan elemen sumbangan dalam menjadikan sesuatu harta tersebut sebagai harta sepencarian sebagaimana yang dijelaskan di

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

dalam *kitab al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah*, cetakan Dar al Ihya al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, hlm. 30 menyebutkan;

ومن ذلك أن الجمهور الفقهأ يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمتاع البيت والدكان :إن القول قول من يدل الحال على صدقه، والصحيح في هذه المسألة أنه لا عبرة باليد الحسية بل وجودها كعدمها، ولو اعتبرناها لاعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة وآخر حوله حاسر الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية فلا اعتبار لها

Bermaksud;

"*Di antaranya ialah, sebahagian ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan sebuah kedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah diterima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira."*

[14] Perayu menghujahkan bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf dari segi fakta apabila memutuskan Perayu hanya layak mendapat 30% dari bahagian harta tak alih allahyarham tersebut disebabkan Perayu hanya dapat membuktikan pembayaran wang pendahuluan dan kos guaman yang berjumlah RM 13,000.00 sahaja sebagai sumbangan langsung Perayu dalam membantu Allahyarham untuk mendapat harta tersebut (muka surat 736 para 26 rekod rayuan).

[15] Perayu telah tidak berpuashati dengan kadar pembahagian tersebut. Dalam hujahan, Perayu menyatakan berhak mendapat lebih daripada 30% kerana telah mengeluarkan kos-kos yang lain termasuk pengubahsuaian rumah sebanyak RM 10,000.00 dan ansuran bulanan yang ditanggung oleh Perayu semenjak Allahyarham kehilangan pekerjaan selama 4 tahun iaitu sebanyak RM 14,400.00 dan lain-lain kos berjumlah RM 60,000.00 (rekod rayuan muka surat 365) dan RM 3,341.88 untuk utiliti (muka surat 332-334). Walau bagaimanapun, Yang Arif Hakim Bicara tidak mengambilkira alasan tersebut disebabkan Perayu gagal membuktikannya dengan dokumen.

SALINAN JAMAN WEB JAKESS

[16] Perayu seterusnya berhujah bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf apabila memutuskan Perayu gagal menzahirkan untuk pengubahsuaian rumah dan lain-lain bayaran yang berkaitan dengan rumah. Sebaliknya Perayu telah mengemukakan 3 (tiga) orang saksi iaitu Hj. Saroni bin Muji (S-1), Jeffree bin Ismail (S-2) dan Jamalludin bin Mohamad Nor (S-3) yang memberikan keterangan berhubung harta-harta bagi membuktikan takat sumbangan Perayu terhadap pemerolehan harta Allahyarham.

[17] Responden pula dalam Penghujahan Bertulis Responden di muka surat 4 menyatakan bahawa keputusan yang diberikan oleh Yang Arif Hakim Bicara adalah tepat dan sama sekali tidak terkhilaf. Keputusan tersebut dibuat setelah penelitian mendalam dibuat berkaitan tuntutan Perayu, keterangan dan pembuktian perayu, keterangan saksi Perayu dan juga keterangan serta pembuktian oleh Responden.

[18] Bagi memutuskan rayuan Perayu ini, kami telah meneliti catatan perbicaraan dan dokumen-dokumen yang berkaitan sepertimana yang diplidkan di dalam Rekod Rayuan. Kami akan mengulas berkenaan sumbangan pihak-pihak dan kadar yang berhak diperolehi oleh mereka bagi aset tersebut.

[19] Aset ini dibeli pada 17 Disember 2004 dengan harga RM 103,000.00 dan didaftarkan di atas nama Allahyarham suami Perayu. Allahyarham telah membuat pinjaman dengan Eon Bank Berhad sebanyak RM 92,700 (muka surat 308-313 rekod Rayuan). Sumbangan langsung allahyarham terhadap rumah tersebut adalah seperti berikut:-

Deposit rumah : RM 9,800.00
Kos Guaman : RM 2,435.00
RM 12,235.00

dan bayaran ansuran dengan menggunakan wang simpanan KSWP sebanyak RM 600.00 pada 25 November 2008 yang dikreditkan ke akaun EON Bank pada 2/6/2009 sebagaimana di muka surat 364 Rekod Rayuan.

[20] YA Hakim Bicara dalam alasan penghakiman mengenai isu sumbangan kewangan Perayu untuk pengubahsuaian rumah dan bayaran ansuran bulanan dan kos-kos lain

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

yang berkaitan rumah tersebut telah berpendapat bahawasa Perayu telah gagal mengemukakan bukti dokumentasi. (Rekod Rayuan m.s 736)

[21] Setelah meneliti rekod rayuan, merujuk kepada rekod rayuan muka surat 365, Perayu ada menyatakan seperti berikut:-

"saya juga menyumbangkan dengan membuat bayaran pendahuluan bagi pembelian rumah tersebut menggunakan duit saya termasuk kos guaman, penyelenggaraan, ubah suai, insuran dan lain-lain perbelanjaan berkaitan rumah tersebut dengan mengeluarkan wang simpanan Tabung Haji bermula pada tahun 2004 sehingga Allahyarham meninggal dunia berjumlah RM60,000.00" (rekod rayuan muka surat 370-376, ekshibit yang ditandakan P36(a)-(g))

[22] Daripada keterangan Perayu di atas, jelas menunjukkan bahawa sebenarnya keterangan Perayu yang menyatakan telah menyumbangkan bayaran sebanyak RM 14,400.00 untuk ansuran bulan dan utiliti sebanyak RM3,341.88 adalah termasuk dalam sumbangan Perayu yang berjumlah RM 60,000.00 keseluruhanya.

[23] Kami berpendapat, YA Hakim Bicara telah terkhilaf kerana tidak mengambil perhatian kepada suatu keterangan penting yang diberikan oleh ketiga-tiga saksi (rekod rayuan 404-416) pihak Perayu yang menyatakan bahawa Allahyarham telah mengalami masalah kewangan sejak beliau kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan apabila diberhentikan kerja melalui skim *Voluntary Seperation Scheme* (VSS) dan perniagaan yang diusahakan juga mengalami kerugian.

[24] Di dalam keterangan Saksi 2 dan 3 juga, mereka ada menyatakan bahawa sejak Allahyarham berhenti kerja, Allahyarham bergantung harap sepenuhnya kepada Perayu dan Perayu telah banyak membantu Allahyarham dalam menguruskan rumahtangga, membayar hutang-hutang yang tertunggak termasuk bayaran bulanan bagi rumah tersebut dan perkara ini berlarutan hingga Allahyarham meninggal dunia (muka surat 410 dan 415 Rekod Rayuan).

[25] Perayu menghujahkan bahawa keterangan saksi-saksi tersebut jelas membuktikan bahawa Perayu telah memberikan sumbangan yang lebih sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap pemerolehan dan pengurusan harta berkenaan. Fakta ini jelas mematahkan dakwaan Responden-responden di dalam hujahan yang menafikan

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

bahawa harta tersebut adalah hasil dari usaha Allahyarham semata-mata tanpa sumbangan dari pihak Perayu oleh kerana hanya terdapat nama Allahyarham sahaja (muka surat 571 rekod rayuan).

[26] Keadaan Allahyarham yang tidak bekerja dan perniagaan yang diusahakan mengalami kerugian merupakan suatu qarinah yang boleh mengesahkan dakwaan Perayu bahawa Perayu telah banyak membantu Allahyarham dalam menguruskan rumahtangga, membayar hutang-hutang yang tertunggak termasuk bayaran utiliti, cukai pintu dan bayaran bulanan bagi rumah tersebut.

[27] Selain itu, keterangan saksi 2 pihak Perayu (rekod rayuan muka surat 410) bahawa pihak Perayu bekerja di Kilang Hitachi yang berpendapatan RM2,500.00 dan mempunyai pendapatan sampingan hasil usaha menjahit pakaian dan menjual pinggan mangkuk dan perniagaannya maju. Fakta ini memungkinkan pihak Perayu boleh menyimpan wang sebanyak itu untuk belanja kos pengubahsuaian dan membantu Allahyarham meyelesaikan hutang-hutang yang berkaitan dengan rumah tersebut.

[28] Selain daripada sumbangan secara langsung, Perayu juga telah menyumbangkan sumbangan secara tidak langsung iaitu dengan melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri kepada Allahyarham dengan penuh taat sepanjang tempoh perkahwinan mereka (rekod rayuan muka surat 243).

[29] Kami juga bersetuju dengan rujukan autoriti Perayu merujuk kepada keputusan Lembaga Rayuan Wilayah Persekutuan dalam kes *Anita lwn Zainuddin Ariffin (1982) 4JH 73* sebagaimana yang telah digunapakai di dalam kes *Noraishah bt. Ahmad lwn Omar bin Jusoh & 6 Yang Lain, JH 26 Bhg 1*, telah menerima cara pembahagian ke atas harta sepencarian dijalankan. Antaranya penghakiman tersebut menyatakan bahawa:

(a) Jika ada keterangan yang cukup, siapa yang mengusaha harta itu. Maka harta tersebut akan diberi kepadanya.

(b) Jika tidak ada keterangan yang cukup mengenai takat usaha masing-masing, mereka dikehendaki bersumpah dan harta akan dibahagikan sama banyak. Jika semuanya enggan bersumpah, ia dibahagikan sama banyak juga. Tetapi jika

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

salah seorang enggan bersumpah, maka harta akan diberi kepada orang yang bersumpah. Jika salah seorang atau semuanya telah mati maka hukum bersumpah itu dipertanggungjawabkan ke atas wasiat si mati sekiranya waris menuntut.

[30] Dalam Kitab al-Bughyah al-Mustarsyidin muka surat 159 juga ada menyebut:

يصح لم أوموت فرقة بينهما وحصلت أحدهما تميز قرينة ولا اكثر يهما لأ يعلم ولم الزوجين ل ما اختلط لواختلط افيما قالو كما اذلامرجح حبه صا مع إلا الصلح أو التمييز قبل منه شيء في تصرف ولاوارثه لأحدهما اهب تو أو صلح أوورثتهمابلفظ الزوجان يصطلح حتى مر الا والاوقف معرفتهما امكن فان وحينئذ حمامهما أحدهما بأن العادة جرت ان نعم الحخور في النصف عن ينقص لا أن ويجب كانواكاملين إن تفاوت أو بتساو المال من شى بيده فمن ذلك من شىَ يتفقواعلى لم فان ذلك نحو على والتواهب الصلح الآخركان اكثرمن يكسب نصفين يقسم ثم خر الا تحليف فلكل بيدهما كان ن فا ملكه إنه بيمينه قوله فالقول

Maksudnya:

"Telah bercampur harta suami dan tidak diketahui harta sesiapa yang lebih banyak, tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya, kemudian berlaku perceraian di antara keduanya atau meninggal dunia, maka tidak sah salah seorang dan mereka (suami isteri atau warisnya) memerintah (mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan atau sebelum dibuat perdamaian (al-Sulh) kecuali bersama-sama dengan pemiliknya sebab tidak ada murajjih (tidak ada tanda yang membezakan). Seperti mereka berkata, "jika bercampur burung merpati keduanya (suami isteri) di ketika itu jika boleh diketahui atau dibezakan keduanya, tetapi jika tidak diketahui dan tidak dapat dibezakan, perkara ini hendaklah ditangguh sehingga suami atau waris kedua-duanya berdamai atau pun menyerah (hibah) dengan sama banyak atau berlebih kurang jika mereka (suami isteri) dan waris orang-orang yang sempurna (bukan mahjur a'laihi) dan wajib supaya jangan berkurang (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta). Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap bahawa salah seorang dari keduanya (suami isteri) mendapat pendapatan yang lebih banyak dari yang seorang lagi maka perdamaian (sulh) dan penyerahan (hibah) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang). Jika mereka tidak menyetujui satu pun daripada yang demikian, maka pihak yang memiliki sesuatu dari harta (memegang harta) akan diterima cakapnya dengan sumpahnya; bahawa harta itu miliknya. Tetapi jika harta itu dimiliki oleh kedua-duanya (masing-masing memegang harta), maka masing-masing boleh meminta pihak yang lain bersumpah, kemudian harta itu di bahagi dua".

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[31] Kesimpulannya, berdasarkan ulasan tersebut, kami berpuashati bahawa YA Hakim Bicara telah terkhilaf apabila memutuskan kadar pembahagian bagi aset tersebut adalah dengan kadar 30% kepada Perayu dan 70% kepada Allahyarham. Oleh itu kami berpendapat bahawa jumlah sumbangan pihak Perayu adalah lebih banyak daripada sumbangan Allahyarham terhadap harta tersebut.

[32] Sebelum kami memberikan keputusan kes ini, kami berpendapat adalah wajar sumpah dilaksanakan ke atas Perayu berhubung dengan fakta sumbangan Perayu untuk bayaran pendahuluan bagi pembelian dan lain-lain kos terhadap rumah tersebut, memandangkan semasa keterangan di Mahkamah Bicara kami dapati tiada perlaksanaan sumpah dilaksanakan.

[33] Perayu sanggup untuk bersumpah dan setelah diterangkan kesan dan akibat sumpah mengikut hukum syarak, sumpah Perayu sebagaimana berikut : Wallahi, wabillahi, watallahi, demi Allah aku (Noorasiah Binti Ismail) bersumpah dengan nama Allah bahawasanya dakwaan aku berhubung dengan sumbangan dalam pemerolehan **rumah yang beralamat di No. XX, XXX, Sungai Merab, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan** sebanyak RM60,000.00 adalah dari wang aku sendiri….".

[34] Sukacita kami ingatkan pihak-pihak dengan merujuk pada firma Allah SWT yang berbunyi:-

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya :

Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.

[35] Setelah memberikan perhatian dan penelitian yang maksima kepada Rekod Rayuan dan penghujahan kedua-dua pihak, serta sumpah pihak Perayu kebentar tadi maka

kami berpendapat kekhilafan YA Hakim Bicara tersebut mewajarkan kami untuk campurtangan didalam perintah yang diberikan pada 14/11/2016. Bagi melaksanakan kuasa budi bicara ini, maka kami akan memutuskan kadar pembahagian harta sepencarian yang kami rasakan sesuai dan munasabah bagi kedua-dua pihak terhadap harta tersebut.

KEPUTUSAN

SETELAH meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan, hujah-hujah kedua-dua belah pihak serta Sumpah Syarie Perayu, MAKA KAMI sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:-

1. Rayuan Perayu diterima.

2. Perenggan 5 Perintah Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh 14/11/2016 di dalam kes no. 10300-017-0003-2010 di ubah seperti berikut;-

   "Kadar pembahagian terhadap harta sepencarian sebuah rumah di alamat No. XX, XXX, Sungai Merab, Kajang Selangor diantara Perayu dan Responden adalah 60% kepada Perayu dan 40% kepada Allahyarham (Shaifol Yazan bin Shaharom) "

SALINAN LAMAN WEB JAKESS